

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

Terpaksa tunggu anak pulang bantu buat pendaftaran

Terpaksa tunggu anak pulang bantu buat pendaftaran

JELI - Buta huruf dan tidak mahir teknologi antara punca setengah penduduk di kawasan pedalaman di daerah ini serta Rantau Panjang belum mendaftar Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Malah, tinjauan mendapati ada antara penduduk langsung tidak mengetahui kewujudan sistem yang diperkenalkan kerajaan pada minggu lalu.

Penduduk, Mohd Noor Jusoh, 70, yang tinggal di Kampung Jeli Lama di sini berkata, dia baru pertama kali mendengar mengenai sistem PADU apabila soalan diajukan *Sinar Harian* kepadanya.

Pekebun pisang itu berkata, sejak mencecah usia warga emas, dia tidak banyak mengambil tahu perkembangan terkini disebabkan kurang mahir dalam penggunaan teknologi di telefon bimbit.

"Saya jarang-jarang tengok berita dan tidak tahu pun apa itu PADU.

"Biasanya kalau ada urusan pendaftaran menggunakan telefon seperti bantuan Sumbangan Tunai Rahmah sebelum ini, saya tunggu anak-anak pulang ke kampung untuk bantu selesaikan," katanya kepada



MOHD NOOR



SAIDI

Sinar Harian di sini.

Seorang lagi penduduk, Ismail Salleh, 66, berkata, dia dan isterinya, Rosmiza Abdullah, 60, juga belum mendaftar PADU disebabkan kedua-dua mereka tidak mahir menggunakan internet atau media sosial.

"Saya tahu tentang PADU melalui berita di televisyen dan faham tentang fungsinya, namun tidak tahu cara untuk mendaftar.

"Saya perlu menunggu mana-mana enam anak kami yang tinggal di Selangor dan Negeri Sembilan untuk pulang bagi mendaftarkan nama saya," katanya yang tinggal di Kampung Kuala Balah di sini.

Bagi Saidi Saufi, 50, yang merupakan orang kurang upaya (OKU) dari Lalang Pepuyu di Rantau Panjang, dia tidak dapat melayari laman sesawang PADU kerana buta huruf.

"Saya tak pandai menulis atau membaca. WhatsApp pun guna pesanan suara sahaja, jadi macam mana nak daftar.

"Sebelum ini, apa-apa urusan penting saudara-mara yang membantu. Selepas tahu tentang PADU ini, saya akan meminta tolong mereka," ujarnya.



Ismail melihat laman sesawang PADU yang baru pertama kali dibukanya.